PIN bererti nombor pengenalan peribadi yang diberi kepada Ahli Kad untuk digunakan bersama Kad.

Program Ganjaran bererti Program yang memberi Pulangan Tunai kepada Ahli Kad.

Pulangan Tunai bererti tunai yang diberi kepada Ahli Kad di bawah Program Ganjaran berhubung dengan Transaksi yang dilakukan melalui penggunaan Kad.

Tarikh Tamat bererti tarikh tamat Kad seperti yang tercetak pada Kad.

Transaksi bererti mana-mana dan semua transaksi perbankan yang dilakukan menerusi penggunaan Kad dan/atau PIN dan merangkumi tetapi tidak terhad kepada, pengeluaran tunai, pembelian, pembayaran, pemindahan dana, pertanyaan baki, deposit tunai dan cek, penjelasan bil dan mana-mana perkhidmatan perbankan elektronik lain seperti yang ditawarkan atau diperkenalkan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa (sama ada menerusi ATM, Terminal Tumpuan Jualan (POS), transaksi internet atau lain-lain terminal atau saluran yang disediakan kepada Ahli Kad). Untuk mengelakkan keraguan, istilah **Transaksi** merangkumi juga **Transaksi Debit**.

Transaksi Pra-Dibenarkan bererti mana-mana transaksi yang dilakukan oleh Ahli Kad dengan mana-mana Peniaga Yang Dibenarkan yang menjalankan perniagaan stesen petrol (pam luar stesen), hotel, hospital dan mana-mana perniagaan lain yang ditentukan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.

Transaksi Debit bererti transaksi yang dilakukan di bawah nama, tanda dan logo Visa menerusi penggunaan Kad dengan atau tanpa PIN dan disertai tandatangan Ahli Kad kecuali dalam kes terminal layan diri, seperti kiosk petrol dan terminal internet, yang tidak memerlukan tandatangan Ahli Kad.

Bagi mengelakkan keraguan, Transaksi disini juga termasuk Transaksi Pra-Dibenarkan dan juga Transaksi Debit.

1.2. Melainkan wujud ketidakseragaman dalam subjek atau konteks dengan pembinaannya atau melainkan dinyatakan sebaliknya: -

- (a) perkataan yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina lain dan perkataan yang merujuk kepada bentuk tunggal merangkumi bentuk jamak dan sebaliknya;
- (b) perkataan yang merujuk kepada individu-individu juga merangkumi waris, wakil peribadi dan pengganti serta penerima serah haknya;
- (c) mana-mana rujukan kepada sub-klausa, klausa atau pihak adalah kepada subklausa, klausa atau pihak kepada Perjanjian ini dan merangkumi semua pindaan dan rombakan yang dibuat kepada Perjanjian ini dari semasa ke semasa;
- (d) mana-mana rujukan kepada peruntukan berkanun merangkumi mana-mana pindaan, gabungan atau penggubalan semula yang sedang berkuatkuasa, dan semua instrumen berkanun atau arahan yang dibuat mengikutnya;
- (e) perkataan "Ringgit Malaysia" dan singkatan "RM" bererti mata wang sah Malaysia;
- (f) mana-mana rujukan "Hari Perniagaan" adalah kepada hari di mana KFH Malaysia dibuka untuk perniagaan di Kuala Lumpur;
- (g) jika mana-mana tempoh masa jatuh pada hari, yang bukannya Hari Perniagaan, maka tempoh masa itu akan dianggap tamat tempoh pada hari perniagaan berikutnya;
- (h) tajuk di dalam Perjanjian ini diberi untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak akan menjelaskan tafsiran peruntukan yang terkandung di sini.

2. PERMOHONAN DAN PENERIMAAN

- 2.1. Pelanggan KFH Malaysia yang memegang akaun simpanan-i atau akaun semasa-i pada usia [lapan belas (18) tahun dan ke atas] adalah layak untuk memohon Kad. Bagi akaun simpanan-i atau akaun semasa-i bersama, hanya pemegang akaun bersama dengan arahan "salah satu menandatangani" boleh memohon Kad.
- 2.2. Bagi Kad Sampingan, pelanggan yang berusia 12 (dua belas) tahun dan ke atas adalah layak untuk memohon Kad Sampingan yang terikat kepada Ahli Kad Prinsipal. Kad Sampingan tersebut mestilah terikat kepada Akaun Tentuan.
- 2.3. Pemohon Kad mesti melengkapkan borang permohonan yang ditentukan oleh KFH Malaysia dan menyerahkannya kepada KFH Malaysia atau wakil atau nominee yang dilantik bersama salinan fotostat kad pengenalannya (depan dan belakang), dan semua dokumen serta bayaran lain yang dinyatakan oleh KFH Malaysia dari masa ke semasa (jika perlu).
- 2.4. KFH Malaysia berhak mengikut budi bicara mutlaknya meluluskan atau menolak sebarang permohonan untuk Kad tanpa memberikan apa-apa alasan kepada pemohon.
- 2.5. Dengan mengeluarkan Kad kepada Ahli Kad, KFH Malaysia bersetuju menyediakan kemudahan Kad kepada Ahli Kad tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini (yang mungkin dipinda oleh KFH Malaysia pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa).
- 2.6. Sebaik sahaja menerima Kad, Ahli Kad perlu mengesahkan Kad dengan menandatangani panel tandatangan di sebelah belakang Kad. Ahli Kad tidak boleh mendedahkan nombor PIN kepada sesiapa untuk kegunaan Kad ini. Dengan penggunaan Kad, Ahli Kad bersetuju untuk terikat sepenuhnya di mana Ahli Kad telah membaca, memahami dan bersetuju sepenuhnya dengan terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan (yang mungkin dipinda oleh KFH Malaysia pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa).
- 2.7. Ahli Kad akan hanya diberi satu (1) Kad Prinsipal pada satu masa, tertakluk kepada budi bicara mutlak KFH Malaysia untuk mengeluarkan lebih daripada satu Kad kepada Ahli Kad sekiranya difikirkan sesuai.
- 2.8. Di mana Ahli Kad telah diberi lebih daripada satu Kad, KFH Malaysia berhak untuk membatalkan mana-mana kad mengikut budi bicara mutlak KFH Malaysia dan Ahli Kad perlu menyerahkan kembali Kad tersebut kepada KFH Malaysia.

3. KAD SAMPINGAN

- 3.1. Di atas permintaan Ahli Kad Prinsipal, KFH Malaysia, boleh mengikut budi bicara mutlaknya dan tertakluk kepada Ahli Kad Sampingan menyempurnakan dokumen-dokumen dan/atau perjanjian-perjanjian yang diperlukan oleh KFH Malaysia mengikut budi bicara mutlaknya, mengeluarkan satu Kad Sampingan kepada Ahli Kad Sampingan.
- 3.2. Ahli Kad Prinsipal berakujanji dan menjamin KFH Malaysia yang Ahli Kad Prinsipal akan memastikan setiap Ahli Kad Sampingan mengikuti dan menjalankan, sebagai tambahan kepada perjanjian-perjanjian lain yang mungkin dimaterai antara KFH Malaysia dengan Ahli Kad Sampingan, segala terma-terma dan syarat-syarat dalam Perjanjian ini yang diguna pakai bagi Ahli Kad Prinsipal tertakluk kepada pindaan yang sewajarnya mengikut keadaan kes, seolah-olah Ahli Kad Sampingan adalah pihak kepada Perjanjian ini.
- 3.3. Kad Sampingan boleh dibatalkan melalui pemberitahuan bertulis oleh Ahli Kad kepada KFH Malaysia. Notis tersebut mestilah disertai dengan Kad Sampingan yang telah dipotong kepada dua (2) bahagian menerusi jalur magnetic dan cip serta dikembalikan kepada KFH Malaysia dengan syarat bahawa kedua-dua Ahli Kad Prinsipal dan Ahli Kad Sampingan adalah terus terikat dan bertanggungjawab di bawah terma-terma dan syarat-syarat

Perjanjian ini berkaitan dengan Kad Sampingan sehingga KFH Malaysia menerima Kad Sampingan dan membatalkannya. Meskipun dengan pembatalan Kad Sampingan, Ahli Kad Prinsipal dan Ahli Kad Sampingan tersebut masih bertanggungjawab terhadap semua caj terdahulu berkenaan dengan Kad Sampingan sebelum pembatalan dibuat.

- 3.4 KFH Malaysia tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad untuk sebarang kerugian yang ditanggung atau tuntutan yang dibuat keatas Ahli Kad akibat dari kegagalan Ahli Kad mengembalikan Kad Sampingan yang telah dipotong kepada dua (2) langsung dari pembatalan Kad.
- 3.5 Kecuali yang sebaliknya telah dinyatakan, apabila seorang Ahli Kad Sampingan telah menyempurnakan borang permohonan atau di mana Perjanjian ini bertujuan untuk mengikat Ahli Kad Sampingan, Ahli Kad Sampingan mengakui, bersetuju dan mengesahkan bahawa, kecuali diperuntukkan sebaliknya, kesemua waad Ahli Kad Prinsipal mengikat Ahli Kad Sampingan seolah-olah Ahli Kad Sampingan adalah dinamakan sebagai Ahli Kad Prinsipal dan kesemua rujukan terhadap terma "Ahli Kad" dalam Perjanjian ini akan dianggap sebagai merujuk kepada Ahli Kad Sampingan kecuali rujukan tersebut bercanggah dengan konteks yang dimaksudkan atau kecuali diperuntukkan sebaliknya.
- 3.6 Penggunaan Kad Sampingan oleh Ahli Kad Sampingan adalah terikat kepada Akaun Tentuan. Penggunaan Kad tersebut adalah tertakluk kepada had yang telah ditetapkan oleh Ahli Kad Prinsipal dan/atau terhad kepada baki sedia ada di dalam Akaun Tentuan.

4. PENGGUNAAN KAD

- 4.1 Ahli Kad hanya boleh menggunakan Kad tersebut untuk pembelian dan pembayaran di cawangan perniagaan yang berdasarkan Syariah sahaja. Ahli Kad harus mengaku dan bersetuju dan mematuhi bahawa jika Kad itu digunakan untuk pembelian dan pembayaran di cawangan perniagaan yang tidak berdasarkan Shariah, KFH Malaysia berhak untuk menarik, menggantung dan/atau membatalkan penggunaan Kad tersebut.
- 4.2 Kad adalah dikeluarkan oleh KFH Malaysia kepada Ahli Kad berdasarkan kepada konsep Shariah iaitu Ujrah yang merujuk kepada pembayaran yuran pengurusan sebagai pertukaran untuk khidmat yang diberikan. Perkhidmatan-perkhidmatan, faedah-faedah dan keistimewaan-keistimewaan di bawah Perjanjian ini adalah ditentukan oleh KFH Malaysia.
- 4.3 Sebagai tambahan kepada yang di atas, Ahli Kad bersetuju yang Kad dikeluarkan untuk kegunaan berkaitan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlaknya, di dalam lingkungan baki sedia ada di dalam Akaun Tentuan, sepanjang tempoh Kad (termasuk tempoh yang diperbaharui), termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - a) Untuk memudahkan pembelian barang dan perkhidmatan yang Halal daripada Peniaga Yang Dibenarkan; dan/atau
 - b) Untuk memudahkan pengeluaran wang tunai di mesin-mesin ATM; dan/atau
 - c) Untuk memudahkan operasi akaun semasa atau akaun simpanan; dan/atau
 - d) Kemudahan-kemudahan lain, yang tertakluk kepada notis bertulis daripada KFH Malaysia (secara keseluruhannya dirujuk sebagai "Perkhidmatan-perkhidmatan").
- 4.4 KFH Malaysia mempunyai hak mutlak untuk menghentikan, menamatkan, menggantikan atau melanjutkan mana-mana Perkhidmatan-Perkhidmatan, faedah-fedadah dan keistimewaan-keistimewaan bagi Kad mengikut budi bicara mutlaknya.
- 4.5 Sebagai balasan KFH Malaysia mengeluarkan Kad kepada Ahli Kad, Ahli Kad bersetuju mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini dan lain-lain terma-terma dan syarat-syarat sepertinya, pindaan dan/atau penambahan yang mungkin dikenakan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa, mengikut budi bicara mutlaknya dengan memberi Ahli Kad notis dua puluh satu (21) hari kalender sebelum tarikh ia berkuatkuasa.

- 4.6. Kad hanya sah sehingga Tarikh Tamat. Apabila tamat tempoh KadTamat, Ahli Kad mestilah memotong Kad kepada dua bahagian menerusi jalur magnetic dan cip serta mengembalikan kad yang telah dipotong kepada KFH Malaysia untuk digantikan dengan Kad baru, yang akan dikeluarkan mengikut budi bicara mutlak KFH Malaysia.
- 4.7. Kad adalah kad debit di mana Akaun Tentuan akan didebitkan untuk pembelian menggunakan Kad. Kad boleh digunakan untuk membeli barang dan perkhidmatan di Malaysia dan di luar negara di Peniaga Yang Dibenarkan berdasarkan had yang telah ditetapkan dan selagi terdapat baki tunai yang mencukupi di dalam Akaun Tentuan ketika pembelian dilakukan. Ahli Kad bertanggungjawab untuk memastikan Akaun Tentuan mempunyai baki tunai yang mencukupi sebelum menggunakan Kad untuk membeli barang dan/atau perkhidmatan.
- 4.8. Ahli Kad dibenarkan membeli barang dan perkhidmatan secara dalam talian dan mengakses tunai di ATM atau institusi kewangan yang memaparkan [MEPS/Visa Plus (untuk transaksi eDebit) dan MyDebit/Visa/ VisaCard (untuk Transaksi Debit)] selagi terdapat baki tunai yang mencukupi di dalam Akaun Tentuan ketika membuat transaksi atau pengeluaran dan had yang ditetapkan semasa permohonan (tertakluk kepada had yang ditetapkan oleh KFH Malaysia untuk setiap pengeluaran).
- 4.9. Ahli Kad boleh menggunakan Kad di mana-mana ATM KFH Malaysia di Malaysia atau mana-mana ATM tempatan yang memaparkan MEPS SAHAJA untuk pengeluaran tunai dari Akaun Tentuan. Walau bagaimanapun, untuk pengeluaran tunai dari Akaun Tentuan oleh Ahli Kad di luar Malaysia, ianya hanya boleh dilakukan di mana-mana ATM yang memaparkan Visa atau Visa Plus.
- 4.10. Ahli Kad bersetuju dan sedia maklum bagi setiap Transaksi Pra-Dibenarkan, amaun minimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM 200.00) atau apa-apa amaun lain yang ditentukan oleh Peniaga Yang Dibenarkan akan didebitkan dari Akaun Tentuan. KFH Malaysia hanya akan memaklumkan jumlah sebenar bagi Transaksi Pra-Dibenarkan tersebut dan seterusnya akan melepaskan apa-apa perbezaan amaun yang telah dipegang dari Akaun Deposit anda dalam masa tiga (3) hari bekerja selepas tarikh transaksi.
- 4.11. Mana-mana pengeluaran tunai oleh Ahli Kad akan didebitkan terus dari Akaun Tentuan tertakluk kepada had maksimum terkumpul RM5,000.00 sehari dan had maksimum pengeluaran sebanyak RM1,500.00 setiap transaksi pengeluaran .
- a. Had pengeluaran tunai terkumpul sehari ditetapkan kepada RM 5,000.00 permohonan Kad. Bagi Ahli Kad Sampingan, had pengeluaran tunai terkumpul adalah berdasarkan kepada had yang ditetapkan oleh Ahli Kad Prinsipal.
 - b. Had pembelian terkumpul sehari ditetapkan kepada RM 5,000.00 semasa permohonan Kad melainkan jika dinyatakan sebaliknya oleh Ahli Kad di dalam borang permohonan Kad. Ahli Kad boleh menukar had pembelian terkumpul sehari pada bila-bila masa di mana-mana cawangan-cawangan KFH Malaysia atau melalui apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh KFH Malaysia. Bagi Ahli Kad Sampingan, had pembelian terkumpul adalah berdasarkan kepada had yang ditetapkan oleh Ahli Kad Prinsipal.
- 4.12. Untuk tujuan melakukan transaksi ATM dan eDebit, Ahli Kad akan menjalankan pemilihan PIN dengan menggunakan "PIN Pad". Ahli Kad hendaklah melakukan penukaran PIN melalui mesin ATM KFH Malaysia. PIN adalah sulit dan tidak harus didedahkan kepada sesiapa jua di bawah apa jua keadaan atau dengan apa cara sekalipun. Ahli Kad seterusnya mengakui dan bersetuju bahawa beliau akan bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua Transaksi yang dilakukan dengan penggunaan PIN sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Ahli Kad.
- 4.13. KFH Malaysia boleh menetapkan Pegangan Baki untuk tujuan mana-mana transaksi debit yang bakal dilakukan pada Kad. Amaun untuk Pegangan Baki dan tempoh Pegangan Baki tersebut akan ditetapkan mengikut budi bicara KFH Malaysia secara mutlak. KFH Malaysia boleh mengikut budi bicara mutlaknya mendebitkan Akaun Tentuan dengan amaun Pegangan Baki (atau sebahagian daripadanya) tidak kira sama ada amaun tersebut mewakili

atau tidak mewakili Transaksi Debit. Jika KFH Malaysia mendebit mana-mana amaun daripada Akaun Tentuan dan KFH Malaysia seterusnya menetapkan amaun tersebut (atau mana-mana bahagian daripadanya) tidak harus didebitkan, maka KFH Malaysia akan mengreditkan semula amaun tersebut ke dalam Akaun Tentuan (tanpa keuntungan).

- 4.14 Ahli Kad dengan ini mengakujanji akan menanggung rugi KFH Malaysia daripada semua tuntutan dan liabiliti dari semua pihak susulan daripada penggunaan Kad yang tidak dibenarkan. Ahli Kad juga bersetuju dan mengakujanji akan menanggung rugi KFH Malaysia sepenuhnya untuk segala kerugian, perbelanjaan atau tuntutan yang ditanggung oleh KFH Malaysia.
- 4.15 Untuk Transaksi luar negara:
- Ahli Kad boleh menggunakan Kad di luar Malaysia dengan Peniaga Yang Dibenarkan dan di ATM. Ahli Kad bagaimanapun mesti memberitahu KFH Malaysia terlebih dahulu sekiranya ingin menggunakan Kad untuk transaksi luar negara setiap kali Ahli Kad ke luar negara.
 - Di mana Ahli Kad menggunakan Kad bagi Transaksi yang menggunakan mata wang selain daripada Ringgit Malaysia, amaun yang didebitkan daripada Akaun Tentuan akan ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar tukaran semasa pada masa KFH Malaysia membuat pembayaran berkaitan kepada bank lain yang turut serta bagi Transaksi tersebut.
 - Penggunaan Kad untuk Transaksi luar negara adalah tertakluk kepada Peraturan Kawalan Tukaran Asing yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia yang mungkin dikenakan kepada Transaksi seumpamanya.
 - KFH Malaysia boleh pada bila-bila masa dengan notis, menggantung atau menamatkan keupayaan Ahli Kad untuk menggunakan Kad di mana-mana Saudagar Dibenarkan dan di ATM di luar Malaysia dan KFH Malaysia tidak akan bertanggungjawab kepada Ahli Kad terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang ditanggung oleh Ahli Kad mengakibatkan apa jua cara daripada penggantungan atau penamatkan tersebut.

- 4.16 Ahli Kad mengakui bahawa baki yang ditunjukkan menerusi ATM, internet atau lain-lain terminal atau saluran yang disediakan kepada Ahli Kad tidak termasuk deposit yang belum disahkan oleh KFH Malaysia dan cek yang dikeluarkan oleh Ahli Kad yang belum diproses oleh KFH Malaysia. Baki yang ditunjukkan menerusi ATM, internet atau lain-lain terminal atau saluran yang disediakan kepada Ahli Kad tidak boleh dianggap sebagai baki muktamad akaun Ahli Kad.

5. WAAD OLEH AHLI KAD

- 5.1. Ahli Kad dengan ini berwaad dengan KFH Malaysia seperti berikut:
- Bahawa hanya Ahli Kad berhak menggunakan Kad yang dikeluarkan atas nama Ahli Kad dengan Peniaga Yang Dibenarkan;
 - Ahli Kad tidak boleh membenarkan atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad dan tidak boleh memindahkan atau melepaskan kawalan atau pemilikan Kad atau menggunakan Kad untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh KFH Malaysia. Sekiranya dalam apa-apa cara yang membolehkan Ahli Kad atau dibenarkan mana-mana pihak ketiga untuk menggunakan Kad untuk apa jua sebab, Ahli Kad hendaklah menanggung rugi KFH Malaysia untuk apa-apa kerugian yang dialami olehnya yang timbul dari pemberian kuasa itu;
 - Untuk menjalankan segala penjagaan mungkin pada setiap masa untuk memastikan keselamatan Kad dan kerahsiaan PIN. Ahli Kad seterusnya mengakui dan bersetuju bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua transaksi yang dilaksanakan

- dengan penggunaan Kad sama ada dengan atau tanpa pengetahuan atau kebenaran Ahli Kad;
- 5.1.4 Untuk menjalankan segala penjagaan mungkin pada setiap masa untuk memastikan keselamatan Kad dan kerahsiaan PIN;
 - 5.1.5 Untuk memberitahu KFH Malaysia serta-merta (pemberitahuan itu disahkan secara bertulis dengan serta-merta) jika Kad hilang atau dicuri dan / atau jika PIN dikompromi atau didedahkan kepada mana-mana orang yang tidak dibenarkan, untuk mengurangkan kerugian kepada Ahli Kad;
 - 5.1.6 Jika Kad dilaporkan hilang atau dicuri dan kad gantian telah dikeluarkan oleh KFH Malaysia dan Kad yang hilang atau dicuri kemudiannya pulih ("Kad Dipulihkan"), Ahli Kad hendaklah dengan serta merta memusnahkan Kad pulih dengan memotong Kad kepada dua (2) bahagian menerusi jalur magnetik dan cip memastikan ia benar-benar rosak ("Kad Ditamatkan") dan mengembalikan Kad Ditamatkan itu kepada KFH Malaysia; untuk mematuhi semua terma dan syarat yang dinyatakan di sini (yang mungkin dipinda oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa) dan semua syarat lain untuk penggunaan Kad yang mungkin dikenakan oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa;
 - 5.1.7 KFH Malaysia boleh meminta butiran Ahli Kad seperti yang diberikan kepada KFH Malaysia semasa permohonan kad dan memberi KFH Malaysia dengan apa-apa maklumat lain dari semasa ke semasa;
 - 5.1.8 Mematuhi terma dan syarat yang terkandung di sini (sebagaimana yang boleh diubah KFH Malaysia pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa) dan semua syarat lain bagi penggunaan Kad yang boleh dari semasa ke semasa yang dikenakan oleh KFH Malaysia;
 - 5.1.9 Tidak akan menggunakan Kad untuk apa jua aktiviti yang menyalahi undang-undang dan tidak halal, termasuk tetapi tidak terhad kepada perbankan atas talian yang todak sah, pertaruhan atau perjudian. KFH Malaysia berhak secara mutlak menamatkan dan membatalkan Kad dengan serta-merta tanpa notis terlebih dahulu jika Ahli Kad didapati telah menggunakan Kad untuk aktiviti yang menyalahi undang-undang atau tidak mematuhi Shariah;
 - 5.1.10 Transaksi menggunakan Kad dan wang atau dana yang digunakan untuk mendepositkan ke dalam Akaun Tentuan bagi penggunaan Kad tidak diperolehi dari mana-mana sumber haram atau berhubung dengan aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - 5.1.11 Ia akan digunakan hanya untuk tujuan yang dibenarkan oleh Shariah dan hanya untuk pembelian barang atau servis yang halal atau di premis peniagaan yang di luluskan oleh Shariah. Ahli Kad bersetuju bahawa keputusan KFH Malaysia dan/atau Jawatankuasa Shariah Kumpulan KFH Malaysia sama ada sesuatu barang atau servis dan premis perniagaan mematuhi Shariah adalah muktamad untuk tujuan Perjanjian ini dan sama sekali tidak boleh digunakan untuk atau yang berkaitan dengan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang dan aktiviti-aktiviti yang tidak halal atau tujuan (termasuklah tanpa had kepada perjudian atas talian), sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya.

6. PENARIKAN / PENGGANTUNGAN PENGGUNAAN KAD

- 6.1. Semua Kad adalah hak milik KFH Malaysia yang berhak pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya menarik balik Kad atau menggantung penggunaannya atau menolak sebarang Transaksi dalam apa jua keadaan sepetimana yang difikirkan sesuai oleh KFH Malaysia.

- 6.2. Dengan penarikan, penggantungan atau pembatalan penggunaan Kad, Ahli Kad akan segera mengembalikan **Kad Batal** kepada KFH Malaysia.

7. PENAFIAN LIABILITI KFH MALAYSIA

- 7.1 KFH Malaysia tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk sebarang tindakan atau kelalaian oleh Peniaga Yang Dibenarkan termasuk keengganan Peniaga Yang Dibenarkan untuk menerima Kad atau apa jua kerosakan atau kekurangan dalam barang atau perkhidmatan yang dibekalkan oleh Peniaga Yang Dibenarkan. Ahli Kad akan menyelesaikan semua rungutan, tuntutan dan pertelingkahan dengan Peniaga Yang Dibenarkan secara terus dan bukannya menerusi KFH Malaysia. Ahli Kad bersetuju tidak akan membabitkan KFH Malaysia dalam tuntutan dan/atau pertelingkahan sedemikian atau tindakan undang-undang terhadap Peniaga Yang Dibenarkan tersebut. KFH Malaysia tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk sebarang bayaran tertangguh kepada Peniaga tanpa mengambil kira sebarang tuntutan dan/atau pertelingkahan di antara Ahli Kad dan Peniaga. Andainya wujud pertelingkahan pada sebarang Transaksi, amaun yang dipotong untuk bayaran Transaksi tersebut tidak akan dikembalikan sehingga Ahli Kad dibebaskan daripada sebarang liabiliti berhubung dengan Transaksi tersebut.
- 7.2 Ahli Kad menakujanji akan mengecualikan KFH Malaysia dari semua liabiliti jika Kad tidak diterima oleh mana-mana Peniaga Yang Dibenarkan atau di dalam mana-mana transaksi atas talian atau ATM.
- 7.3 KFH Malaysia menafikan semua liabiliti untuk apa jua kegagalan memenuhi sebarang obligasi tidak kira bagaimana kegagalan tersebut boleh berlaku, dan tidak kira sama ada kegagalan tersebut berada di dalam atau di luar kawalan KFH Malaysia.
- 7.4 Tanpa prejudis terhadap keumuman yang sebelum ini, Ahli Kad bersetuju tidak akan mempertanggungjawabkan KFH Malaysia andainya KFH Malaysia tidak dapat menunaikan keseluruhan atau sebahagian obligasinya di bawah syarat dan peraturan ini, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan mana-mana alat mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian transmisi, pertelingkahan perindustrian, kerosakan elektrik, mana-mana tindakan di luar kawalan KFH Malaysia atau mana-mana bencana alam.

8. YURAN DAN CAJ TAHUNAN

- 8.1 Semua Ahli Kad Prinsipal dan Ahli Kad Sampingan adalah tertakluk kepada kepada fi dan caj yang berkuat kuasa sebagaimana yang ditentukan oleh KFH Malaysia, dengan mengambil kira apa-apa kriteria yang telah ditetapkan disediakan oleh KFH Malaysia mengikut dasar KFH Malaysia dari semasa ke semasa dan apa-apa peraturan atau garis panduan yang boleh dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak berkuasa yang berkaitan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Kad dan / atau KFH Malaysia. Bagi mengelakkan keraguan, Kad dikeluarkan secara percuma untuk Ahli Kad Prinsipal dan Sampingan dan tiada yuran keahlian tahunan dikenakan.
- 8.2 Ahli Kad akan membayar KFH Malaysia caj perkhidmatan sebanyak RM1.00 bagi setiap pengeluaran di mana-mana ATM MEPS dan RM 12.00 bagi setiap pengeluaran di semua ATM lain menerusi rangkaian Visa.
- 8.3 Salinan penyata Akaun akan diberi kepada Ahli Kad berdasarkan jenis akaun yang dirangkaikan dengan Akaun Tentuan. Sebagai alternatif, Ahli Kad boleh menyemak baki Akaun Tentuan dan butiran Transaksi menerusi laman web KFH Malaysia.
- 8.4 Ahli Kad boleh memohon untuk salinan draf jualan pada yuran perkhidmatan RM 20.00 setiap draf jualan atau yuran lain seperti yang ditetapkan oleh KFH Malaysia mengikut budi bicara mutlaknya sekiranya adanya atau terdapatnya salinan draf jualan yang berkenaan.
- 8.5 Yuran sebanyak RM15.00 akan dikenakan untuk setiap penggantian Kad Prinsipal. Yuran sebanyak RM 10.00 akan dikenakan untuk setiap penggantian Kad Sampingan.

- 8.6 Ahli Kad akan membayar KFH Malaysia 1% daripada bil iaitu jumlah amaun yang ditukar kepada Ahli Kad sebagai caj perkhidmatan untuk sebarang transaksi dalam matawang asing.
- 8.7 Ahli Kad seharusnya memastikan baki yang mencukupi di dalam Akaun Tentuan untuk sebarang yuran atau caj yang perlu dibayar oleh Ahli Kad kepada KFH Malaysia bagi terus menikmati penggunaan Kad. Ahli Kad bersetuju yang sebarang yuran dan kos yang perlu dibayar kepada KFH Malaysia akan didebitkan ke Akaun dan dibutirkan dalam penyata Akaun. Sebarang yuran atau caj yang dibayar oleh Ahli Kad tidak akan dikembalikan dalam apa jua keadaan.
- 8.8 Andainya Akaun Tentuan tidak mempunyai baki yang mencukupi untuk membayar apa jua yuran dan/atau caj yang perlu dibayar kepada KFH Malaysia, KFH Malaysia berhak sepenuhnya untuk menghentikan dan/atau menggantung mana-mana Transaksi menggunakan Kad. Sebagai tambahan, KFH Malaysia berhak sepenuhnya untuk memindah atau menguruskan pindahan dana yang mencukupi dari mana-mana Akaun lain yang dimiliki Ahli Kad dengan KFH Malaysia ke Akaun tersebut dengan memberi Ahli Kad notis tujuh (7) hari kalender sebelum tarikh ia berkuat kuasa.
- 8.9 Yuran atau caj yang tersebut boleh berubah pada bila-bila masa, dan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak KFH Malaysia dengan memberi Ahli Kad notis dua puluh satu (21) hari kalender sebelum tarikh ia berkuatkuasa.
- 8.10 Yuran dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerajaan yang mana berkenaan, pada kadar yang telah ditetapkan yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

9.0 PENAMATAN

- 9.1 Ahli Kad boleh menamatkan penggunaan Kadnya dengan memberikan KFH Malaysia notis penamatian bertulis dan memulangkan Kad yang dipotong dua dan dengan itu penggunaan Kad akan ditamatkan.
- 9.2 Tanpa merujuk di atas, KFH Malaysia boleh, pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya dengan notis dan tanpa memberikan apa-apa alasan, menamatkan penggunaan Kad. Tanpa menjelaskan keluasan makna yang disebut di atas, KFH Malaysia boleh menamatkan penggunaan Kad apabila berlaku mana-mana satu kejadian yang berikut atau lebih:-
 - 9.2.1 kebankrapan, ketaksovenan, kematian atau ketakupayaan Ahli Kad dan/atau
 - 9.2.2 apa-apa pelanggaran oleh Ahli Kad terhadap Perjanjian ini.
- 9.3 KFH Malaysia mempunyai budi bicara untuk menamatkan Kad jika tidak terdapat wang yang cukup dalam Akaun Tentuan untuk menjelaskan Transaksi dengan memberikan notis bertulis empat belas (14) hari kepada Ahli Kad.
- 9.4 Perjanjian ini akan dianggap akan terus berkuat kuasa dan dilaksanakan sepenuhnya jika dan termasuk sebarang transaksi yang telah dilaksanakan tetapi tidak didebitkan lagi ke Akaun Tentuan sebelum penamatian tersebut.
- 9.5 Penamatian perjanjian yang terkandung dalam terma dan syarat ini tidak akan menjelaskan sebarang liabiliti berhubung dengan perkara yang telah dilakukan atau lalai untuk melakukannya sebelum penamatian.
- 9.6 Hak dan remedii KFH Malaysia terhadap Ahli Kad tidak akan terjejas berikutan penamatian.
- 9.7 Apabila ditamatkan, KFH Malaysia berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap Ahli Kad bagi mendapatkan balik jumlah yang dihutang oleh Ahli Kad dalam Perjanjian ini, termasuk mana-mana yuran, caj-caj dan bayaran-bayaran lain yang perlu dibayar kepada

KFH Malaysia dan Ahli Kad bertanggungjawab untuk membayar kos-kos yang telah dibayar oleh KFH Malaysia (termasuk yuran guaman dan klien).

10. PENYATA

- 10.1 Penyata berkala untuk Akaun Tentuan milik Ahli Kad yang membutirkan Transaksi Debit, yuran dan caj serta semua pengeluaran ATM yang dilakukan oleh Ahli Kad termasuk mana-mana bayaran atau kredit yang dilakukan dan dirakamkan oleh KFH Malaysia akan dihantar kepada Ahli Kad berdasarkan Akaun yang dirangkan dengan Akaun Tentuan. Sebagai alternatif, Ahli Kad boleh mengakses butiran Transaksi terperinci dengan mendaftar untuk perkhidmatan perbankan internet KFH Malaysia, iaitu www.kfh.com.my
- 10.2 Rekod dan butiran yang dicatatkan ke dalam Akaun dengan KFH Malaysia seperti yang dibutirkan di dalam penyata akan dianggap sebagai tepat dan mengikat Ahli Kad kecuali Ahli Kad memberi notis bertulis kepada KFH Malaysia dalam masa empat belas (14) hari kalender dari tarikh penyata.
- 10.3 Setelah Ahli Kad memberi notis bertulis tersebut dalam masa yang ditetapkan, KFH Malaysia akan meneliti dan mengesahkan Akaun Tentuan untuk membuat pelarasan dan pembetulan sewajarnya, jika ada. Operasi Klausula tidak akan sekali-kali mempengaruhi tanggungjawab Ahli Kad di bawah Klausula 8 DENGAN SYARAT sebarang amaun yang perlu dibayar kepada atau oleh ahli Kad akan dikreditkan atau didebitkan ke dalam Akaun Tentuan.

11. PROGRAM GANJARAN

- 11.1 Program Ganjaran adalah tersedia kepada Ahli Kad tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

Program Pulangan Tunai 10%

- 11.2.1 Tertakluk kepada syarat yang terkandung di sini, Ahli Kad Prinsipal dan Kad Sampingan layak untuk Pulangan Tunai 10% untuk pembelian runcit pertama termasuk pembelian secara atas talian tetapi tidak termasuk transaksi pengeluaran tunai dan/atau apa-apa Transaksi Pra-Dibenarkan.
- 11.2.2 Bagi Ahli Kad Sampingan, Pulangan Tunai 10% hanya untuk Ahli Kad Sampingan yang pertama sahaja.
- 11.2.3 Had maksima Pulangan Tunai 10% adalah Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM 20.00) bagi Ahli Kad Prinsipal dan Ringgit Malaysia Sepuluh (RM 10.00) bagi Ahli Kad Sampingan.
- 11.2.4 Pulangan Tunai yang diterima oleh Ahli Kad yang layak akan dikreditkan ke dalam Akaun Tentuan.
- 11.2.5 KFH Malaysia berhak mengikut budi bicara mutlaknya meminda atau merombak peratusan Pulangan Tunai yang diberi untuk setiap transaksi RM1.00 dengan Kad dengan notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.
- 11.2.6 Sekiranya Pulangan Tunai telah dikreditkan ke dalam Akaun Tentuan dan seterusnya terdapat pembalikan terhadap transaksi tersebut, Ahli Kad hendaklah membuat pembayaran balik jumlah Pulangan Tunai sepenuhnya yang telah diberikan dengan cara pihak Bank mengenakan caj ke atas jumlah tersebut ke dalam Akaun Tentuan.
- 11.2.7 KFH Malaysia boleh, mengikut budi bicara mutlaknya, memotong atau membatalkan mana-mana Pulangan Tunai daripada mana-mana Ahli Kad atau Akaun Tentuan.
- 11.2.8 KFH Malaysia tidak akan bertanggungjawab atau tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerumitan, kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Ahli Kad akibat, dan tanpa batasan, seperti yang berikut:

- a. Apa-apa kegagalan fungsi, kerosakan atau kesilapan dalam mana-mana terminal kad atau lain-lain sistem pengesahan yang berlaku sehingga menyebabkan kegagalan untuk menentukan jumlah keseluruhan Pulangan Tunai dalam mana-mana akaun Kad atau kegagalan untuk menyempurnakan mana-mana Transaksi; atau
 - b. Apa-apa kelewatan atau ketidakupayaan KFH Malaysia untuk memenuhi mana-mana obligasinya menurut Perjanjian ini akibat mana-mana kerosakan atau kegagalan elektronik, sistem mekanikal, pemprosesan data atau telekomunikasi, atau mana-mana peristiwa di luar kawalan KFH Malaysia.
- 11.2.9 KFH Malaysia berhak sepenuhnya secara mutlak untuk meminda, merombak, membatal atau megantikan Program Ganjaran dengan program ganjaran pelanggan alternatif yang difikirkan sesuai oleh KFH Malaysia dengan memberi Ahli Kad notis dua puluh satu (21) hari kalender sebelum tarikh ia berkuat kuasa.
- 11.3 Program Pulangan Tunai 0.5%**
- 11.3.1 Tertakluk kepada syarat yang terkandung di sini, Ahli Kad Prinsipal layak untuk Pulangan Tunai 0.5% bagi setiap transaksi RM1.00 berhubung dengan pembelian yang dibuat dengan Kad Prinsipal.
 - 11.3.2 Ahli Kad Sampingan adalah tidak layak untuk program Pulangan Tunai 0.5%.
 - 11.3.3 KFH Malaysia berhak mengikut budi bicara mutlaknya meminda atau merombak peratusan Pulangan Tunai yang diberi untuk setiap transaksi RM1.00 dengan Kad dengan notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad.
 - 11.3.4 Tiada Pulangan Tunai akan diberikan berhubung dengan mana-mana pengeluaran tunai menggunakan Kad daripada Akaun Tentuan.
 - 11.3.5 Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Tentuan secara bulanan.
 - 11.3.6 Tiada Pulangan Tunai akan diberikan apabila dengan pembatalan Kad ditamatkan atau ketika status Kad tidak aktif seperti yang ditetapkan oleh KFH Malaysia mengikut budi bicara mutlaknya.
 - 11.3.7 KFH Malaysia boleh, mengikut budi bicara mutlaknya, memotong atau membatalkan mana-mana Pulangan Tunai daripada mana-mana Ahli Kad atau Akaun Tentuan.
 - 11.3.8 KFH Malaysia tidak akan bertanggungjawab atau tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk sebarang kerumitan, kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Ahli Kad akibat, dan tanpa batasan, seperti yang berikut:
 - a) Apa-apa kegagalan fungsi, kerosakan atau kesilapan dalam mana-mana terminal kad atau lain-lain sistem pengesahan yang berlaku sehingga menyebabkan kegagalan untuk menentukan jumlah keseluruhan Pulangan Tunai dalam mana-mana akaun Kad atau kegagalan untuk menyempurnakan mana-mana Transaksi; atau
 - b) Apa-apa kelewatan atau ketidakupayaan KFH Malaysia untuk memenuhi mana-mana obligasinya menurut Perjanjian ini akibat mana-mana kerosakan atau kegagalan elektronik, sistem mekanikal, pemprosesan data atau telekomunikasi, atau mana-mana peristiwa di luar kawalan KFH Malaysia.
 - 11.3.9 KFH Malaysia berhak secara mutlak untuk meminda, merombak, membatal atau megantikan Program Ganjaran dengan program ganjaran pelanggan alternatif yang difikirkan sesuai oleh KFH Malaysia dengan memberi Ahli Kad notis dua puluh satu (21) hari kalender sebelum tarikh ia berkuat kuasa.

12. KEHILANGAN / KECURIAN KAD

- 12.1 Ahli Kad akan bertanggungjawab untuk semua transaksi yang dilakukan akibat penggunaan Kad tanpa kebenaran sehingga laporan kehilangan atau kecurian diterima oleh KFH

Malaysia dan / atau di mana siasatan yang dibuat oleh KFH Malaysia atau polis mendedahkan bahawa Ahli Kad merupakan suatu pihak kepada pemerolehan sebarang barang atau perkhidmatan daripada Saudagar Dibenarkan telah dilaksanakan melalui penggunaan Kad oleh mana-mana orang yang tidak dibenarkan. Ahli Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas urus niaga tanpa kebenaran tersebut sebelum KFH Malaysia menerima pemberitahuan secara bertulis tentang kehilangan atau kecurian. Selepas pemberitahuan bertulis itu diterima, liabiliti Ahli Kad untuk transaksi yang dipertikaikan adalah terhad kepada jumlah maksimum sebanyak RM250.00 bagi setiap Kad tertakluk kepada syarat-syarat berikut: -

- a) Ahli Kad tidak melakukan penipuan atau memudahkan penipuan atau kehilangan / kecurian Kad sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau tidak cuai; atau
 - b) Ahli Kad telah memaklumkan kepada KFH Malaysia serta-merta apabila didapati Kad hilang atau dicuri atau semasa Pemegang Kad mengesyaki bahawa satu transaksi yang tidak dibenarkan telah dibuat dengan menggunakan Kad Ahli Kad; jika tidak, Pelanggan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya.
- 12.2 Ia adalah tanggungjawab Ahli Kad untuk menunjukkan dan membuktikan bahawa Kad tidak digunakan oleh Ahli Kad pada masa urus niaga yang dipertikaikan direkodkan. Semua transaksi di ATM (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran tunai) hendaklah dianggap telah dibuat oleh Ahli Kad dan Ahli Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua caj dan pengeluaran yang berpunca daripada urus niaga tersebut. Beban membuktikan bahawa sebarang transaksi di ATM tidak dibuat oleh Ahli Kad adalah pada Ahli Kad.
- 12.3 Setelah menerima laporan bertulis tentang kehilangan atau kecurian Kad, KFH Malaysia akan menghentikan dan menggantung apa-apa Transaksi yang menggunakan Kad dengan serta merta.
- 12.4 KFH Malaysia tidak terikat untuk mengeluarkan Kad gantian susulan kehilangan atau kecurian atau penggunaan Kad yang tidak dibenarkan. Andainya KFH Malaysia mengeluarkan Kad gantian, KFH Malaysia berhak mengenakan syarat dan yuran atau caj sepertimana yang difikirkan sesuai mengikut budi bicara mutlaknya.

13. BUKTI MUKTAMAD

- 13.1 Ahli Kad dengan ini berwaad dengan KFH Malaysia untuk menerima sebagai bukti muktamad terhadap Ahli Kad dalam mana-mana tindakan undang-undang dan untuk semua tujuan sekalipun:
- a. penyata yang dikeluarkan oleh KFH Malaysia adalah bukti muktamad tentang transaksi Ahli Kad terhadap KFH Malaysia yang dibutirkkan di Klause 10;
 - b. sijil daripada pegawai KFH Malaysia yang disahkan adalah bukti muktamad isu tersebut sama ada notis tentang apa jua perkara yang timbul daripada Perjanjian ini telah diberi kepada Ahli Kad;
 - c. mana-mana rekod yang disimpan oleh KFH Malaysia merupakan bukti muktamad tentang amaun Pulangan Tunai yang diperolehi atau diberi kepada Kad atau Ahli Kad.

14. NOTIS

- 14.1. Mana-mana komunikasi yang dirujuk dalam Perjanjian ini akan dianggap telah diterima oleh Ahli Kad jika ditinggalkan atau dihantar menerusi pos biasa yang diperakui ke alamat terakhir Ahli Kad atau diiklankan dalam mana-mana media termasuklah internet seperti yang ditetapkan oleh KFH Malaysia.
- 14.2. Penyampaian mana-mana notis atau proses mahkamah akan dianggap telah berkuatkuasa pada tarikh penghantaran jika menerusi serahan tangan atau dalam kes pos, pada Hari Perniagaan kedua selepas diposkan kepada Ahli Kad ke alamat terakhir yang diberi kepada KFH Malaysia atau pada tarikh mana-mana pengiklanan oleh KFH Malaysia.

15. LAIN-LAIN

- 15.1. Sekiranya Ahli Kad telah membuat pilihan untuk mendedahkan maklumatnya, KFH Malaysia boleh pada bila-bila masa tanpa liabiliti kepada Ahli Kad, memberi apa jua maklumat berhubung Ahli Kad dan/atau mana-mana transaksi yang dilaksanakan menerusi penggunaan Kad kepada:
- a. mana-mana pihak berkuasa, Peniaga Yang Dibenarkan dan mana-mana ahli institut VISA Antarabangsa;
 - b. dan mana-mana syarikat sekutu atau syarikat berkaitan dengan KFH Malaysia, ejen, pekerja dan/atau individu yang difikirkan sesuai mengikut budi bicara KFH Malaysia, dengan syarat Ahli Kad telah membenarkan pendedahan sedemikian ketika membuat permohonan.
 - c. Ahli Kad dengan ini membenarkan KFH Malaysia mendapatkan apa jua maklumat berhubung Ahli Kad daripada mana-mana pihak berkuasa, Peniaga Yang Dibenarkan atau individu seperti yang difikirkan sesuai oleh KFH Malaysia dari semasa ke semasa.
- 15.2. Sekiranya Ahli Kad telah membuat pilihan untuk mendedahkan maklumatnya bagi tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi semasa memohon kad dan selepas itu membuat pilihan untuk tidak mendedahkan maklumat atau sebaliknya, Ahli Kad mesti menghubungi KFH Malaysia untuk mengubah pilihannya.
- 15.3. Jika mana-mana peruntukan didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, secara keseluruhan atau sebahagiannya, di bawah mana-mana enakmen atau undang-undang, peruntukan selebihnya akan kekal efektif dan berkuatkuasa sepenuhnya.
- 15.4. KFH Malaysia berhak sepenuhnya untuk menambah, memadam, menukar atau meminda sebarang terma dan syarat yang terkandung di sini termasuk penukaran bayaran-bayaran dan caj-caj, pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa dengan memberi notis tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalender kepada Ahli Kad sebelum tarikh berkuatkuasa. Berdasarkan budi bicara mutlak KFH Malaysia, notis untuk penambahan atau pindaan akan berkuatkuasa melalui:-
- a. Memaparkan notis tersebut di premis KFH Malaysia dan cawangan-cawangannya atau dengan menghantar notis tersebut kepada Ahli Kad; ataupun
 - b. Menghantar Khidmat Pesanan Ringkas (Short Message Service – SMS) kepada Ahli Kad atau dengan memaparkan notis tersebut melalui laman web KFH Malaysia.
- 15.5. KFH Malaysia boleh pada bila-bila masa dengan memberi notis yang sewajarnya kepada Ahli Kad untuk mengubahsuai, menambah atau menukar terma-terma dan syarat-syarat ini dan Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan pengubahansuaian, penambahan, penolakan dan penukaran.
- 15.6. Jika Ahli Kad tidak bersetuju dengan pindaan tersebut, Ahli Kad boleh, dalam masa tujuh (7) hari kalender selepas diberi notis oleh KFH Malaysia, membatalkan penggunaan Kad.
- 15.7. Perjanjian ini (dan semua persetujuan yang dibentuk menurut ini seterusnya) akan tertakluk kepada dan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa Mahkamah Malaysia.
- 15.8. Masa di mana juga disebutkan merupakan perkara mustahak Perjanjian ini tetapi tiada kegagalan untuk mengamalkan dan tiada kelewatan untuk mengamalkan bagi KFH Malaysia apa jua hak, kuasa keistimewaan di bawah Perjanjian ini akan beroperasi sebagai penepian darinya, atau mana-mana amalan tunggal atau sebahagian apa jua hak, kuasa atau keistimewaan menghalang mana-mana amalan lain atau selanjutnya atau amalan mana-mana hak, kuasa atau keistimewaan. Hak dan penyelesaian tersebut adalah kumulatif dan tidak eksklusif kepada mana-mana hak dan penyelesaian yang diberi oleh undang-undang.
- 15.9. Obligasi Ahli Kad akan mengikat wakil Ahli Kad yang sah dari segi undang-undang atau pengantinya dan penerima serah haknya.

- 15.10 Sekiranya timbul sebarang keraguan dari Perjanjian ini, keraguan tersebut akan diselesaikan oleh KFH Malaysia. Pengertian mana-mana peruntukan dan di mana berkenaan, pilihan peruntukan yang sesuai untuk sesuatu situasi adalah muktamad dan mengikat Ahli Kad.
- 15.11 Tanpa menjelaskan mana-mana peruntukan di sini dan sebaliknya, KFH Malaysia menolak sebarang liabiliti kepada Ahli Kad dan mana-mana pihak untuk kerugian, kecederaan, kelewatan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh mana-mana pihak kerana menjalankan obligasi masing-masing yang terkandung di sini akibat tindakan atau peristiwa di luar kawalan mereka yang disebabkan oleh bencana alam, mogok, gangguan pekerja, penahanan, keganasan, kekurangan bahan, rusuhan, perang, undang-undang kerajaan, kebakaran, gempa bumi, banjir, kilat, wabak penyakit dan lain-lain malapetaka. Obligasi KFH Malaysia, sejauh yang terjejas akibat tindakan atau peristiwa sedemikian, akan digantung sepanjang kelewatan atau kegagalan prestasi terbabit, dan kelewatan atau kegagalan ini bukanlah melanggar Perjanjian ini.

- Terma-terma dan Syarat-syarat tamat -